

JPS pasang papan elektronik maklum paras sungai, banjir

BH 12/12/2006

KOTA BHARU: Maklumat terkini mengenai paras sungai negeri ini sepanjang musim tengkujuh, dipaparkan kepada orang ramai menerusi papan elektronik yang dipasang di tengah bulatan pusat bandar ini, mulai semalam.

Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Kelantan, Lim Chow Hock, berkata ketika ini, papan elektronik itu memaparkan maklumat berdasarkan bacaan air yang direkodkan antara jam 8 pagi hingga 5 petang setiap hari.

Beliau berkata, papan berkenaan akan memaparkan maklumat yang direkodkan setiap jam sepanjang 24 jam dan bilik gerakan banjir dibuka di negeri ini sebaik bencana alam

itu berlaku.

"Maklumat yang disiarkan menerusi papan elektronik itu diselenggarakan Unit Hidrologi JPS yang bertanggungjawab memantau perkembangan paras sungai di seluruh negeri ini.

"Papan maklumat di bulatan tengah bandar Kota Bharu itu adalah yang pertama seumpamanya dipasang di Pantai Timur sebagai kemudahan terkini untuk menyalurkan maklumat paras sungai dan banjir kepada orang ramai," katanya di sini, semalam.

Lim berkata, penyediaan papan maklumat elektronik itu membolehkan penduduk negeri ini mendapat maklumat terkini mengenai paras sungai dan keadaan banjir yang terkini se-

panjang masa.

Dalam perkembangan lain, Lim berkata, sehingga jam 4 petang semalam, semua tempat menyukat paras sungai di negeri ini mencatatkan bacaan pada kedudukan normal, di bawah tahap waspada.

"Walaupun hujan berterusan di semua lokasi menyukat curahan hujan sejak kelmarin, namun data yang direkodkan mesin telemetrik JPS itu, hanya antara dua hingga tiga milimeter sehari.

"Kita jangka hujan akan berterusan sehingga awal Januari depan tetapi kemungkinan banjir besar masih belum boleh diramalkan kerana ia bergantung fenomena tiupan angin kencang," katanya.